

Harun: Putusan Lembaga diumumkan hujung minggu ini

KUALA LUMPUR, Khamis — Peguam Negara akan mengumumkan keputusan Lembaga Pengampunan berhubung dengan rayuan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris selewatnya hujung minggu ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pangeran Othman Raof memberitahu para pemberita di sini hari ini, keputusan mengenai rayuan Datuk Harun itu akan diketahui sehari dua lagi.

"Saya tidak boleh memberitahu perkara ini, tetapi oleh kerana saudara-saudara bertanya, saya harus menjawabnya," katanya sambil membayangkan pengumuman penting akan dibuat mengenai Datuk Harun sebelum atau selepas Hari Raya ini.

Menurut Datuk Pangeran Othman, bukanlah sulit untuk Lembaga Pengampunan yang beliau sendiri menjadi anggota membuat pengumuman.

"Ia boleh dibuat sejam lebih awal dari yang ditentukan," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan menyebut apakah Naib Presiden UMNO itu akan menerima pengampunan ataupun jenis pengampunan yang akan diberikan kepadanya.

Ditanya mengenai laporan yang menyatakan beliau selaku Menteri Wilayah Persekutuan menandatangani surat pengampunan Datuk Harun, Datuk Pangeran Othman berkata: "Tidak benar kerana saya tidak menandatangani apa-apa."

Lembaga Pengampunan mengadakan mesyuaratnya beberapa hari lalu membincangkan rayuan Datuk Harun yang disampaikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengesahkan bahawa Lembaga Pengampunan telah bersidang dan membincangkan rayuan pengampunan yang dibuat oleh bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris.